

### **3.1 BIODATA SYEIKH ‘ABD AL-QĀDIR BIN ‘ABD AL-MUṬṭALIB AL-MANDĪLĪ**

Dalam bab ini, pengkaji memberikan tumpuan khusus dalam membicarakan berkaitan riwayat hidup Sheikh ‘Abd al-Qādir al-Mandili<sup>1</sup> yang merangkumi nama, keturunan dan keluarga, latar belakang kehidupan, sifat dan keperibadian, pendidikan yang diterima, guru-guru yang pernah mencerahkan ilmu terhadap beliau serta sumbangan beliau khususnya dalam penghasilan karya-karya yang bermanfaat serta masih kekal digunakan sehingga kini.

#### **3.1.1 Nama, Asal Usul Keturunan dan Keluarga al-Mandīlī**

Sebelum menceritakan panjang lebar tentang Syeikh tersebut pengkaji ingin menjelaskan sedikit tentang Kabupaten Mandailing Natal (MADINA) secara geografis terletak antara  $00^{\circ}10'$ - $10^{\circ}50'$ LU dan  $98^{\circ}50' - 100^{\circ}10'$  Bujur Timur. Wilayah Administrasi Madina di bahagi atas 17 Kecamatan dan 329 desa yang di tetapkan oleh Pemerintah Republik Indonesia dengan Undang-Undang No. 12 Tahun 1998 pada tanggal 23

---

<sup>1</sup> Mengikut Ustaz Toguan bin Malim Hasan yang berasal dari kampung Jambur Padang Matinggi Mandailing Natal (MADINA), beliau adalah seorang pengkaji tentang Aplikasi Hukum Islam dan Peranan Ulama’ di Mandailing Natal (MADINA) Indonesia. Beliau menceritakan bila disebut nama Syeikh Abd al-Qadir maka di sana terdapat banyak lagi ulama yang sama dari segi nama, hanya yang membezakan nama-nama itu pada *bin* atau nama ayah mereka, tetapi yang paling masyhur di kalangan mereka ada dua ulama, pertama: Syeikh ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd al-Muṭṭalib al-Mandīlī yang terkenal di Asia khususnya di Malaysia. Kedua: Syeikh ‘Abd al-Qādir bin Sobir al-Mandīlī yang masyhur di Makkah dan Madinah, beliau berkhidmat sebagai Imam dan Guru Besar Masjid al-Haram, beliau juga merupakan guru dan qari *Qira’at al-Sab’ah*. Boleh dikatakan guru kepada kebanyakan ulama-ulama Nusantara yang belajar di Makkah. Pengkaji memilih al-Mandīlī yang pertama sebagai bahan kajian kerana beliau lebih di kenali di alam Melayu. Selepas ini nama beliau disebutkan sebagai al-Mandīlī.

November 1998.<sup>2</sup> Daerah Kabupaten Mandailing<sup>3</sup> Natal secara geografis terletak paling selatan dari propinsi Sumatera Utara dengan sempadan sebagai berikut:

1. Sebelah Utara dengan Kabupaten Tapanuli Selatan.
2. Sebelah Selatan dengan Propinsi Sumatera Barat.
3. Sebelah Timur dengan Propinsi Sumatera Barat.
4. Sebelah Barat dengan Samudera Indonesia.<sup>4</sup>

Berkaitan dengan nama al-Mandīlī, beliau terkenal dengan nama Abdul Qadir Mandīlī atau nama penuh beliau Sheikh ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd al-Muṭṭalib al-Indonesī al-Tapānūlī<sup>5</sup> al-Mandīlī<sup>6</sup>. [الشيخ عبد القادر بن عبد المطلب الإندونيسي المنديلي]<sup>7</sup>. Beliau adalah anak

<sup>2</sup> Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Mandailing Natal (BPPDKMN) (2002), *Mandailing Natal Dalam Angka (Mandailing Natal in Figures)*. Panyabungan: B.P.S.B.P.P, h. 3-4.

<sup>3</sup> Mandailing terletak di pedalaman pesisir pantai barat pulau Sumatera dengan sistem pemerintahan tradisional, tradisi persawahan, pengembalaan kerbau, perlombongan/ penambangan mas, persenjataan dan perairan. Kaya dengan mitologi asal-usul marga, mandailing tercatat dalam kitab Nagarakertagama pada abad ke 14, namun sulit mendapatkan catatan sejarah mengenai mereka. Tanah ibunda Mandailing dibagi kepada Mandailing Godang dan Mandailing Julu (Upper Mandailing). Masyarakat Mandailing diatur dengan menggunakan sistem sosial Dalian na Tolu (Tumpuan yang Tiga) - merujuk kepada aturan kekerabatan marga yang diikat menerusi perkahwinan dan prinsip Olong Dohot Domu (Kasih Sayang dan Keakraban). Sistem pemerintahan Mandailing demokratis dan egalitar. Lembaga pemerintahan na mora na toras (yang mulia dan yang dipertua) memastikan keadilan dan kepemimpinan yang dinamis. Gordang Sambilan adalah gendang adat yang terdiri dari sembilan buah gendang yang relatif besar dan panjang, dan digunakan dalam upacara perkahwinan, penabalan dan kematian. Sabe-Sabe selendang istiadat dipakai untuk upacara adat dan untuk tarian adat yang disebut Tor-Tor.

<sup>4</sup> Untuk keterangan lanjut sila lihat. Toguan Malim Hasan, (2007), "Aplikasi Hukum Islam Di Mandailing Natal, Indonesia: Kajian Terhadap Peranan Ulama", (Disertasi Sarjana, Bhagian Syariah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam), h.22.

<sup>5</sup> Menurut Ramli Awang dalam disertasi beliau, Tapanuli adalah salah sebuah daripada sepuluh kabupaten dalam wilayah Sumatera Utara dan beliau menambahkan lagi bahawa nama al-Tapanulī pernah dicatatkan sendiri oleh al-Mandīlī dalam beberapa karya beliau seperti *al-Khazā’iñ al-Saniyyah min Masyāhir al-Kutub al-Fiqhiyyah li A’immatinā al-Fauqaha’ al-Syāfi’iyyah*, Misr: Dar Miṣr li Ṭaba’ah, (t.t), h. 27 dan sebuah karya terjemahan beliau (1965), *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca al-Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati*, Maṭba’ah al-Anwar, al-Qahirah, h. 41. Lihat Ramli Awang (2001), "Sheikh Abdul Qadir Mandili: Satu Analisis Biografi dan Aliran Pemikirannya", (Tesis yang dikemukakan untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah, November 2001, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi), h. 23.

<sup>6</sup> Dari hasil pertermuan dan perbincangan pengkaji dengan Ustaz Toguan dan sesuai juga dengan apa yang tertulis dalam tesis Master beliau yang berjudul *Aplikasi Hukum Islam di Mandailing Natal Indonesia Kajian Terhadap Peranan Ulama*, beliau menyebut bahawa Daerah Mandailing Natal dulunya berada dalam

kelahiran sebuah perkampungan yang bernama Sigalangan<sup>8</sup> Padangsidempun di sebuah wilayah di Tapanuli Selatan<sup>9</sup>, Sumatera Utara. Walaupun demikian, nama Sheikh 'Abd al-Qādir al-Mandīlī lebih dikenali. Penisbahan nama beliau dengan al-Mandīlī adalah bersempena nama sebuah suku kaum Batak iaitu Mandailing<sup>10</sup> yang mendiami wilayah Tanapuli. Ramli Awang menambahkan lagi bahawa kadang kala wilayah Tanapuli ini dikenali juga sebagai Tanah Mandailing.<sup>11</sup>

Berkaitan dengan maklumat kelahiran al-Mandīlī, tidak banyak sumber yang diperoleh, bahkan boleh dikatakan bahawa tidak ada sebarang sumber bertulis yang boleh

kawasan Tapanuli Selatan namun sejak tahun 1998 daerah tersebut sudah dibahagikan menjadi dua daerah iaitu Tapunuli Selatan dan satu lagi yang baru Mandailing Natal (MADINA). Temubual pengkaji dengan Ustaz Toguan bin Malim Hasan pada 18.07.2012 jam 10.00 pagi di rumahnya, Lot 5A, Jln. 36A Selayang Baru Batu Caves 68100 Selangor.

<sup>7</sup> Nama ini adalah berdasarkan kepada nama yang disebutkan dalam sebuah karya beliau berjudul “*Penawar Bagi Hati*”, lihat Sheikh 'Abd al-Qādir al-Mandīlī selepas ini al-Mandīlī (1383H/1964M), *Penawar Bagi Hati*, Yala, Thailand: Sahabat Press, cet.4, h. 1.

<sup>8</sup> Berkaitan dengan nama perkampungan ini, terdapat beberapa percanggahan di kalangan pengkaji. Ramli Awang dalam disertasi beliau menyebutkan nama perkampungan tersebut adalah “Sigalanggang” tetapi berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ishamuddin Abdul Rahim pula menyebutkan sebagai “Sigalagam”. Ramli Awang mempertahankan pendapat beliau dengan mengemukakan sebuah peta lokasi perkampungan tersebut yang terletak berhampiran dengan Padangsidempuan. Wilayah Tanapuli dan *East Coast of Sumatera* berada di bawah satu pentadbiran yang membentuk Sumatera Utara dengan Medan dijadikan sebagai ibu kota. Namun, berdasarkan temubual pengkaji terhadap waris al-Mandīlī sendiri, nama perkampungan tersebut adalah “Singalangan”. Temubual pengkaji dengan anak al-Mandīlī yang bernama Sheikh Muhammad bin 'Abd. al-Qādir al-Mandīlī pada 17 Jun 2006 di Masjid al-Haram di Makkah al-Mukarramah. Lihat juga Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 23.

<sup>9</sup> Ramli Awang dalam disertasinya menyebut wilayah Tapanuli Selatan, wilayah ini telah pun ditukar kepada nama baru iaitu Kabupaten Mandailing Natal atau ringkasnya (MADINA) oleh Pemerintah Republik Indonesia dengan Undang-Undang No. 12, Tanggal 23 November 1998. Mengikut Ustaz Toguan masyarakat setempat memanggil dengan nama MADINA sahaja. Temubual pengkaji dengan Ustaz Toguan bin Malim Hasan pada 19.07.2012 jam 10.50 pagi di rumahnya, Lot 5A, Jln. 36A Selayang Baru Batu Caves 68100 Selangor. Rujuk juga Ramli Awang, (2001), *op.cit.*, h. 24.

<sup>10</sup> Bila di sebut kaum Batak kebanyakannya beragama Kristian dan kaum Mandailing kebanyakannya beragama Islam. Temubual pengkaji dengan Ustaz Toguan bin Malim Hasan pada 19.07.2012 jam 10.30 pagi di rumahnya, Lot 5A, Jln. 36A Selayang Baru Batu Caves 68100 Selangor. Raymond Kenedy menyebutkan Maidailing adalah nama sebuah suku kaum Batak yang mendiami Sumatera. Manakala Edwin M. Leob dan Masri Singarimbun dalam tulisan mereka menambah, terdapat beberapa kumpulan bahasa dalam kaum Batak seperti Singkel, Pakpak, Dairi, Toba dan Mandaheling. Secara umumnya, terdapat dua pertuturan bahasa yang digunakan di kalangan mereka iaitu Dairi yang merangkumi Dairi Tulen, Pakpak dan Karo serta kedua iaitu Toba yang bercakap dialek lain tetapi dianggap sebagai bahasa ibunda kaum Batak. Lihat Raymond Kenedy (1962), *Bibliografi of Indonesian People and Cultures*, New Haven: South Asia Studies Yale University, h. xiv, Edwin M. Leob (1972), *Sumatera its History and People*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 20 dan Masri Singarimbun (1935), *Kinship, Descent and Alliance The Karo Batak*, Los Angles: University of California Press, h. 3.

<sup>11</sup> Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 24.

membuktikan secara tepat tarikh atau tahun kelahiran beliau. Kenyataan ini bertepatan dengan keterangan yang disebutkan Ramli Awang berdasarkan temu ramah<sup>12</sup> beliau dengan seorang cucu al-Mandīlī yang bernama Haji Ghazali bin Muhammad al-Mandīlī<sup>13</sup>. Namun demikian, berdasarkan kenyataan Ramli Awang yang telah menemu ramah Tuan Guru Haji Hashim<sup>14</sup>, beliau mengatakan, berdasarkan tarikh ketibaan al-Mandīlī ke Kedah pada tahun 1924M<sup>15</sup> dan ketika itu beliau berumur empat belas tahun. Oleh itu, disimpulkan bahawa beliau lahir pada tahun 1910M iaitu beza umur beliau dengan tahun ketibaan beliau di Kedah.

Berkaitan salasilah keturunan, menurut Haji Ghazali bin Muhammad al-Mandīlī lagi, beliau juga tidak mengetahui secara lebih lanjut tentang perkara tersebut kecuali disebutkan bahawa datuk kepada al-Mandīlī bernama Hasan. Tambahan beliau lagi, al-Mandīlī adalah anak kedua daripada empat orang adik-beradik. Abang sulung al-Mandīlī bernama Palan dan dua orang adik beliau yang lain bernama Ibrahim dan Burhan<sup>16</sup>. Maklumat lain berkaitan nama dan salasilah keturunan yang lain tidak diketahui dengan lebih jelas lagi.

---

<sup>12</sup> Lihat juga Temu ramah yang telah dilakukan oleh Ramli Awang pada 12.08.1998 pada jam 02.10-03.00 petang di pejabat Haji Ghazali, Hasda Travel, 24-1, Jalan 2/23a, Taman Danau Kota, off Jalan Genting Kelang, 53300 Setapak, Kuala Lumpur. Lihat Ramli Awang (2001), *ibid.*, h. 24.

<sup>13</sup> Beliau merupakan Pengarah kepada Hasda Travel Sdn. Bhd dan ketika pertemuan Ramli Awang dengan beliau yang pada ketika itu telah berusia 40 tahun (1998). Namun, pengkaji tidak mendapat kepastian sama ada beliau masih hidup atau telah meninggal dunia kini. Lihat Ramli Awang (2001), *ibid.*

<sup>14</sup> Tuan Guru Haji Hashim adalah Mudir Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu Kelantan. Beliau berasal dari Kedah. Menurut keterangan, beliau menyebutkan bahawa al-Mandīlī pernah menjadi tetamu beliau sewaktu kepulangan beliau ke Tanah Melayu pada tahun 1950-an. Pada masa yang sama dalam rangka untuk menyampaikan ceramah di merata tempat. Lihat Ramli Awang (2001), *ibid.*

<sup>15</sup> Ramli Awang telah memetik kenyataan yang disebutkan oleh Ishamuddin Abdul Rahim. Lihat Ishamuddin Abd. Rahim (1987M) “Tokoh Ulama al-Sheikh Abd al- Qādir al-Mandīlī: Tinjauan Pemikirannya Dari Aspek Politik”, (Latihan Ilmiah untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, sesi 1986/1987), Bangi: UKM, h.1.

<sup>16</sup> Temubual pengkaji dengan anaknya Syeikh Muḥammad al-Mandīlī pada 17 Jun 2006 di Masjid al-Haram Makkah al-Mukarramah jam 8.15 malam waktu Arab Saudi.

Berdasarkan temu ramah yang dilakukan oleh Ishamuddin Abd Rahim dengan Lebai Salleh bin Hassan<sup>17</sup>, bapa al-Mandīlī adalah seorang petani biasa dan bukan daripada golongan yang mendalami agama. Manakala Haji Ghazali Syaikh Muhammad yang telah ditemu ramah oleh Ishamuddin pada 3 Januari 1987, menyebutkan al-Mandīlī telah berkahwin dengan tiga orang wanita dan mempunyai sembilan orang anak. Ketiga-tiga orang isteri itu berasal daripada Kedah iaitu isteri pertama bernama Khadijah binti Hanafiah yang berasal dari Kampung Alor Besar, Pendang, yang dikahwini semasa beliau berada di Pondok Gajah Mati di Kedah. Isteri kedua beliau bernama Zabedah binti Haji Jusuh yang berasal dari Kampung Kupang, Baling, Kedah<sup>18</sup> dan isteri ketiga bernama Aisyah binti Haji Muhammad Saman, dari Jaha, Pattani.<sup>19</sup> Isteri kedua dan ketiga dikahwini semasa beliau berada di Mekah.<sup>20</sup>

Daripada isteri pertama al-Mandīlī dikurniakan enam orang anak iaitu, Sheikh Muhammad Badruddin, Rafi‘ah, Fatimah, Muhammad Zainuddin, Ruqiyah dan Zawawi. Manakala daripada isteri kedua seorang anak yang diberi nama Abdul Aziz serta dua orang

<sup>17</sup> Temu ramah ini dilakukan pada 13 September 1987 seperti mana dicatatkan oleh Ishamuddin dalam kajian beliau. Lihat Ishamuddin Abd. Rahim (1987M), *op.cit.*, h.2.

<sup>18</sup> Ramli Awang menyebut nama isteri kedua al-Mandīlī adalah Zabedah binti Haji Awang, namun berdasarkan maklumat yang diperoleh oleh pengkaji, nama sebenarnya adalah Zabedah binti Haji Jusuh, Temubual dengan anaknya Syeikh Muḥammad al-Mandīlī di Masjid al-Haram Makkah al-Mukarramah pada 17 Jun 2006, jam 8.15 malam waktu Arab Saudi. Lihat juga Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 31.

<sup>19</sup> Ishamuddin Abd. Rahim menyebutkan isteri ketiga al-Mandīlī ini bernama Aisyah binti Abdullah yang berasal dari Kedah tetapi tidak diketahui kampung asalnya. Manakala Ramli Awang juga menyebutkan dengan nama yang sama tetapi berasal daripada Pattani. Namun demikian, berasaskan maklumat terbaru yang diperoleh hasil temu ramah pengkaji dengan waris dan anak murid al-Mandīlī di Makkah al-Mukarramah, nama sebenar isteri ketiga al-Mandīlī adalah Aisyah binti Haji Muhammad Saman yang berasal dari Jaha, Pattani. Manakala temu bual pengkaji pada 17 Jun 2006 dengan anak sulong dari isteri pertama al-Mandīlī, Syeikh Muḥammad bin ‘Abd al-Qādir al-Mandīlī yang juga merupakan salah seorang tenaga pengajar di dalam Masjid al-Haram di Bab al-Malik ‘Abd al-‘Aziz yang terletak berhadapan dengan Rukn al-Yamānī dan bersebelahan Hajar al-Aswad. Tempat tersebut adalah tempat kuliah beliau yang berlangsung empat hari seminggu antara solat Maghrib hingga solat Isyak.

<sup>20</sup> Ishamuddin Abd. Rahim (1987M), *op.cit.*, h. 2 dan Ramli Awang (2001), *ibid.*, h. 31

anak daripada isteri ketiga iaitu Halimah dan Ahmad Zaki.<sup>21</sup> Ishamuddin menambah lagi, berdasarkan maklumat daripada Haji Ahmad Jusoh yang pernah tinggal di Mekah selama 20 tahun (1937-1957M) dan salah seorang murid al-Mandīlī, yang menyebutkan bahawa ketiga-tiga isteri al-Mandīlī tinggal dalam sebuah rumah yang telah dihadiahkan oleh anak-anak muridnya.<sup>22</sup>.

### **3.1.2 Pendidikan dan Pembelajaran al-Mandīlī**

Bermula pada peringkat asas, beliau menerima pendidikan awal sejak zaman kanak-kanak lagi. Keadaan ini telah menjadi kebiasaan masyarakat di Nusantara pada ketika itu untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi. Pendidikan tersebut, sama ada melalui didikan ibu bapa sendiri ataupun dihantar kepada guru-guru tertentu untuk dimulakan pendidikan terhadap anak-anak tersebut. Bahkan pada ketika itu juga, dalam abad ke-19 dan awal abad ke-20 menyaksikan perkembangan institusi pengajian pondok yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh ulama yang kebanyakannya menerima pendidikan di Timur Tengah.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Temu ramah pengkaji dengan anak sulungnya pada 17 Jun 2006 di Masjid al-Haram Makkah al-Muarramah, jam 8.30 malam waktu Arab Saudi.

<sup>22</sup> Mengikut temu ramah pengkaji dengan anaknya syeikh Muhammad di Masjid al-Haram Makkah al-Mukarrah pada 17 Jun 2006, jam 8.45 malam waktu Arab Saudi.

<sup>23</sup> Tempat tumpuan utama kebanyakan yang menjadi medan pembelajaran dan pengajaran dikalangan masyarakat dari Nusantara di Timur Tengah adalah di Makkah al-Mukarramah. Masjid al-Haram menjadi institusi pembelajaran yang masyhur dengan kunjungan para pelajar dari Nusantara dan seterusnya mengajar di sekitar masjid tersebut. Selepas kepulangan para ulama dari sana ke tanah air, mereka membuka pondok-pondok untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat. Keterangan lanjut boleh dirujuk pada, Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, cet.1, h. 69-74. Lihat juga Ramli Awang (2006M), *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara Pengaruhnya di Negeri Kedah*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 11-26.

Dalam pendidikan asas, Ishamuddin Abd Rahim<sup>24</sup> menyebutkan al-Mandīlī belajar pada awalnya di Sekolah Rendah Belanda sehingga darjah lima<sup>25</sup>. Namun demikian, keterangan lain untuk menjelaskan tentang umur beliau ketika menerima pendidikan tersebut tidak diperoleh kerana tiada sumber bertulis yang dapat dijadikan rujukan. Pada masa yang sama, sewaktu kecil beliau adalah seorang kanak-kanak yang nakal sehingga sering menimbulkan masalah di kampungnya. Keadaan ini, melahirkan kebimbangan daripada bapa saudara beliau iaitu Japu Sukan yang ketika itu menjawat jawatan sebagai pegawai Daerah. Lalu timbul hasrat untuk menghantar al-Mandīlī ke Kedah bagi menimba ilmu agama di sana. Hasrat ini seterusnya mendapat sokongan sepenuhnya daripada ahli keluarga beliau yang lain. Tetapi, oleh sebab beliau bukanlah daripada keluarga yang berada atau orang kaya menyukarkan mereka untuk mendapatkan pembiayaan terhadap al-Mandīlī. Namun, menurut Ramli Awang, semangat ini tidak melunturkan mereka untuk menghantar beliau ke sana apabila beliau sendiri dan keluarga mengusahakan sawah dan segala pendapatan yang diperolehi daripada usaha tersebut adalah untuk pembiayaan al-Mandīlī ke Kedah<sup>26</sup>. Sikap dan kegigihan yang telah ditunjukkan oleh keluarga beliau untuk melihat kejayaan anak mereka dalam pembelajaran adalah telah menjadi tradisi masyarakat Batak pada ketika itu. Kenyataan ini dikukuhkan lagi, apabila menurut E.St Harahap, orang-orang Batak dikenali sebagai masyarakat yang bersungguh dan gemar untuk mencari ilmu pengetahuan. Bahkan telah menjadi kewajipan ibu bapa untuk menyara pembelajaran anak-anak mereka sehingga ada yang sanggup menggadai dan menjual sawah

---

<sup>24</sup> Ishamuddin Abd. Rahim (1987M), *op.cit.*, h. 3.

<sup>25</sup> Sekolah ini, pada ketika itu dikenali sebagai Holland Inlandse School atau ringkasnya H.I.S, lihat Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 25.

<sup>26</sup> Ramli Awang (2001), *ibid.*

ladang mereka bagi pembelajaran anak-anak tersebut<sup>27</sup>.

Pendidikan al-Mandīlī di Kedah bermula apabila beliau tiba di sana pada tahun 1924M ketika berusia empat belas tahun.<sup>28</sup> Bertepatan pada ketika itu, Kedah dalam era perkembangan institusi pengajian pondok. Pondok pertama yang menjadi pilihan al-Mandīlī untuk memulakan pengajian beliau adalah Pondok Penyarum, Tobiar di Pendang, Kedah.<sup>29</sup> Di pondok ini beliau memulakan pengajian asas untuk mengenal dan membaca penulisan Jawi. Pada ketika itu, guru yang mengajar antaranya Tuan Guru Haji Bakar. Setelah menguasai aspek penulisan dan pembacaan huruf-huruf Arab di pondok tersebut, beliau telah berpindah ke sebuah pondok lagi iaitu Pondok Air Hitam, Alor Setar, Kedah. Tidak diketahui, berapa lama beliau menghabiskan masa untuk belajar di Pondok Penyarum sebelum beliau berpindah ke Pondok Air Hitam.

Semasa di Pondok Air Hitam, beliau mula mempelajari kitab-kitab berbahasa Arab seperti *al-Matn al-Ājurumiyyah*<sup>30</sup>, *Kitab Mutammimah*<sup>31</sup> dan Matan *Alfiyah Ibn Malik*<sup>32</sup>.

<sup>27</sup> Temu bual pengkaji dengan Ustaz Toguan bin Malim Hasan pada 18.07.2012 jam 10.00 pagi di rumahnya, Lot 5A, Jln. 36A Selayang Baru Batu Caves 68100 Selangor. Lihat juga E.St. Harahap (1960), *Perihal Bangsa Batak*, Jakarta: Bahagian Bahasa dan Jawatan Kebudayaan Jakarta, h. 948.

<sup>28</sup> Temubual pengkaji dengan anak sulungnya pada 21 Jun 2006 di Masjid al-Haram Makkah al-Mukarramah, jam 9.00 malam waktu Arab Saudi.

<sup>29</sup> Ramli Awang dan Ishamuddin Abd. Rahim menyebutkan nama pondok tersebut adalah Pondok Panjang Rong, Tobiar. Sedangkan nama sebenar pondok berdasarkan maklumat daripada salah seorang sahabat pengkaji yang berasal dari Kedah iaitu Khadher Ahmad. Beliau mengatakan nama sebenar pondok tersebut adalah Pondok Penyarum, Tobiar yang terletak kira-kira 12 kilometer daripada Pekan Pendang dan pondok itu kini masih wujud tetapi hanya didiami oleh orang yang berkeluarga dan daripada golongan tua. Lihat juga Ramli Awang (2006M), *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara Pengaruhnya di Negeri Kedah*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 11-26. Serta temubual dengan Khadher bin Ahmad pada 20 Ogos 2007 di rumah sewanya No.34, Jalan 17/21B, Seksyen 17, 46400 Petaling Jaya, Selangor, jam 3.15 petang.

<sup>30</sup> Kitab ini adalah karya al-‘Allamah Muhammad bin Muhammad bin Dawud al-Sunhajiyy (672H-723H/1273M-1322M). Nama lengkap kitab adalah *Matn al-Ajurumiyyah fī ‘Ilm al-‘Arabiyyah* dan pernah diterbitkan pada tahun 1341H/1922M di Mesir oleh Percetakan Mustaffa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh.

<sup>31</sup> Nama lengkap kitab ini adalah *Mutammimah al-Ājurumiyyah* sebuah karya bin Muhammad al-Rā‘aini al-Hattab dan pernah dicetak pada tahun 1937M oleh Mustaffa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh di Mesir. Ia terdiri daripada dua juzuk dan menurut pengarangnya, kitab ini adalah pelengkap kepada permasalahan dalam kitab *al-Ajurumiyyah* dan berperanan sebagai pengantar kepada kitab-kitab lain dalam ilmu nahu.

<sup>32</sup> Kitab ini adalah karya Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Jamāl al-Dīn bin Mālik (600-672H).

Ketiga-tiga kitab ini menekankan pengajian terhadap tatabahasa Arab. Bahkan keadaan ini telah menjadi kebiasaan dalam sistem pengajian pondok di mana pembelajaran asas tertumpu dalam aspek bahasa Arab khususnya terhadap tatabahasa Arab yang dikenal sebagai ilmu nahu dan soraf Arab. Pondok Air Hitam pada ketika itu berada di bawah kelolaan Tuan Haji Idris bin Lebai Yusuf dan Lebai Dukun. Lebai Dukun merupakan murid kepada Tuan Haji Idris dan telah dilantik menjadi Ketua Telaah pada ketika itu<sup>33</sup>.

Seterusnya, Ramli Awang yang memetik kenyataan daripada Ishamuddin Abd Rahim yang menyebutkan, setelah al-Mandīlī menguasai ketiga-tiga kitab tersebut, beliau telah berpindah ke Pondok Gajah Mati, Pendang Kedah. Pondok ini di bawah kelolaan Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Abdul Qadir (1894-1969M) atau lebih dikenali sebagai Pak Cu Him Gajah Mati<sup>34</sup>. Beliau telah berguru dengan Pak Cu Him di pondok tersebut dalam tempoh sepuluh tahun dan pada masa yang sama telah diamanahkan sebagai salah seorang tenaga pengajar di pondok tersebut. Namun demikian, tidak dapat dipastikan umur beliau ketika bertugas sebagai pengajar tersebut, tetapi Ishamuddin Abd Rahim mengatakan al-Mandīlī mengajar dalam usia yang masih muda remaja dalam lingkungan umur dua puluhan.<sup>35</sup>

Wan Meriam binti Haji Ahmad dalam penulisan beliau menyebutkan bahawa,

<sup>33</sup> Ishamuddin Abd. Rahim (1987M), *op.cit.*, h. 4.

<sup>34</sup> Waktu beliau sampai ke pondok Gajah Mati umur al-Mandīlī ketika itu adalah dalam lingkungan 15 tahun. Hasil temubual pengkaji dengan anak sulungnya pada 21 Jun 2006 bertempat di Masjid al-Haram, Makkah.

<sup>35</sup> Mengikut temubual pengkaji dengan anak sulungnya pada 21 Jun 2006, jam 6.53 petang di Masjid al-Haram Makkah, apabila umur al-Mandīlī 20 tahun beliau bertolak ke Makkah al-Mukarramah dengan menaiki kapal laut dan terus masuk ke sekolah Dār al-‘Ulūm al-Diniyah, Makkah. Semasa di sana, beliau mula berguru dengan syeikh-syeikh dari tanah ‘Arab yang masyhur dan terkenal dengan keilmuan mereka. Dalam masa yang sama beliau juga merupakan salah seorang tenaga pengajar di dalam Masjid al-Haram pada tiga peringkat, iaitu pada sebelah pagi beliau mengajar di Bāb al-Ṣafā dalam bidang hadith seperti kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, pada sebelah petang pula di Bāb al-Umrah dalam bidang tafsir seperti menggunakan karya *Tafsīr al-Jalālāin* dan lain-lain, dan pada waktu malam di Bāb ‘Abd al-Azīz dalam bidang fekah seperti kitab *Fath al-Wahhab* dan *Fath al-Muin*.

ketika al-Mandīlī bertugas sebagai guru di pondok tersebut, beliau mengajar semua mata pelajaran termasuk ilmu mantik. Keadaan ini memberikan satu gambaran jelas bahawa al-Mandīlī adalah dalam usia yang masih muda sudah dapat menguasai banyak ilmu keagamaan sehingga beliau diberi kepercayaan sebagai tenaga pengajar<sup>36</sup>. Wan Meriam menambahkan lagi bahawa ketibaan al-Mandīlī di Pondok Gajah Mati bertepatan dengan kepulangan Tuan Guru Haji Ibrahim atau Pak Cu Him dari Makkah<sup>37</sup> secara tergesa-gesa setelah berlakunya keadaan yang tidak aman di sana pada ketika itu dalam tahun 1925M<sup>38</sup>. Kepulangan Pak Cu Him serta kedatangan al-Mandīlī ke Pondok Gajah Mati telah membawa kepada perkembangan pondok tersebut sehingga menyumbang ke arah kejayaan pondok itu apabila jumlah murid pada ketika itu menjangkau sehingga 600 orang yang mencatatkan jumlah tertinggi dalam sejarah pondok tersebut. Keadaan ini dikukuhkan lagi apabila al-Mandīlī merantau ke Makkah pada tahun 1963M, jumlah murid di pondok tersebut berkurangan sehingga tinggal 400 orang sahaja<sup>39</sup>.

Para pelajar yang datang untuk berguru di pondok tersebut, bukanlah di kalangan penduduk setempat atau penduduk Tanah Melayu sahaja, tetapi terdiri daripada para pelajar luar negara khususnya Sumatera seperti Jambi, Kampar, Pelembang, Asahan, Bangkahulu, Aceh dan lain-lain<sup>40</sup>.

---

<sup>36</sup> Wan Meriam Haji Ahmad (1982M/1983), “*Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Abdul Qadir Satu Tinjauan Tentang Ketokohnanya*”, (Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 57.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 15.

<sup>38</sup> Ramli Awang mencatatkan bahawa keadaan tidak aman tersebut adalah merujuk kepada pertikaian atau konflik antara Syarif Hussein dengan Ibn Sa‘ud yang berlaku sejak tahun 1910M di mana tuntutan Syarif Hussein sejumlah 900 pound Turki daripada Ibn Sa‘ud terhadap wilayah Qasim. Namun, keadaan ini tidak dihiraukan oleh Ibn Sa‘ud walaupun pada mulanya beliau menjanjikan membayar \$6000. Tetapi beliau memungkiri perjanjian tersebut sehingga menimbulkan kemarahan Syarif Hussein. Lihat Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 28 dan Peter Hobday (1978), *Saudia Arabia Today: An Introduction to The Richest Oil Power*, Hong Kong: The Macmillan Ltd, h. 27-28.

<sup>39</sup> Wan Meriam Haji Ahmad (1982M/1983), *op.cit.*, h. 73-77.

<sup>40</sup> Lihat Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 29 dan Ishamuddin Abd. Rahim (1987M), *op.cit.*, h. 19.

Disebutkan bahawa, al-Mandīlī telah menghabiskan tempoh selama 10 tahun berguru dengan Pak Cu Him di Pondok Gajah Mati tersebut. Semasa di sini beliau telah berusaha untuk mendalami ilmu-ilmu seperti Nahu, Saraf Arab, *Uṣūl al-Fiqh*, *Uṣūl al-Dīn*, *Hadīth*, *Muṣṭalah al-Hadīth*, *Tafsīr*, *Balāghah*, *Taṣawwūf* dan falsafah. Selepas daripada itu, beliau telah pergi ke Makkah untuk berguru di sana. Namun, sebelum daripada itu, diceritakan bahawa beliau telah pergi ke Kelantan untuk berguru dengan Tok Kenali (1868-1933M), tetapi beliau dinasihati untuk pergi ke Makkah. Pemergian beliau ke Makkah adalah untuk berguru dengan Pak Da 'Ail Patani (1882-1965M) yang merupakan abang kepada Pak Cu Him dan ketika itu beliau giat mengajar di Masjid al-Ḥarām, Makkah<sup>41</sup>. Menurut Ramli Awang, berdasarkan temu ramah beliau dengan Tuan Guru Haji Saleh dari Pondok Sik, Kedah, pemergian al-Mandīlī ke Makkah dibiayai oleh bapa mertua beliau, tetapi Wan Mohd Shaghir Abdullah pula mengatakan, pembiayaan tersebut ditanggung oleh Pak Cu Him sendiri. Tetapi Ramli Awang lebih cenderung untuk menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Tuan Guru Haji Saleh di atas dua sebab iaitu, Ramli Awang menyebutkan bahawa bapa mertua al-Mandīlī boleh digolongkan sebagai orang yang berada kerana memiliki bendang yang luas dan keduanya, Tuan Guru Haji Saleh telah menghabiskan masa selama 15 tahun di sana dan telah bergaul dengan guru beliau hampir 13 tahun<sup>42</sup>. Namun, berdasarkan maklumat yang diperoleh oleh pengkaji sendiri, menurut Syeikh Muhammad ‘Abd al-Qādir Mandīlī<sup>43</sup>, bapa mertua al-Mandīlī tidak memiliki sebarang bendang kecuali pemergian al-Mandīlī ke Makkah tersebut adalah hasil sumbangan

<sup>41</sup> Beliau telah mula mengajar di sana dalam lingkungan umur 30 tahun iaitu dari tahun 1912M hingga meninggal dunia pada 03.11.1965M. Lihat Ramli Awang (2001), *ibid*, h. 30. Mengikut cerita anak sulung al-Mandīlī, bahawa ayahnya al-Mandīlī sempat berguru dengan Pak Cu Him di Pondok Gajah Mati selama lebih kurang empat tahun sahaja kemudian bertolak ke Makkah al-Mukarramah. Temubual pengkaji dengan anak sulung al-Mandīlī pada 21 Jun 2006 bertempat di Masjid al-Haram, Makkah, jam 9.00 malam waktu Arab Saudi.

<sup>42</sup> Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 30.

<sup>43</sup> Temubual pengkaji dengan anak sulung al-Mandīlī selaku waris al-Mandīlī yang kini menetap di Makkah al-Mukarramah selama 64 tahun dan telah menjadi warga negara Arab Saudi, pada 6 Jun 2006, di dalam Masjid al-Haram, jam 9.00 malam waktu Arab Saudi.

orang ramai pada ketika itu.

### **3.1.3 Peranan al-Mandīlī Selaku Pelajar dan Tenaga Pengajar di Mekah.**

Al-Mandīlī seterusnya melanjutkan pengajian beliau di Makkah setelah sepuluh tahun belajar dan menabur bakti sebagai tenaga pengajar di Pondok Gajah Mati. Menurut Ramli Awang, iaitu berdasarkan temu bual beliau dengan Tuan Guru Haji Hashim Kedah di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, menyebutkan bahawa al-Mandīlī pergi ke Makkah pada tahun 1936M dan berguru dengan beberapa orang ulama seperti Wan Abdul Qadir Patani, Sheikh al-Mālikī, Sheikh Hasan Muhammad al-Mashāṭ, Sheikh Muhammad al-‘Arabi bin Tabānī bin al-Hussain al-Wāḥidī al-Maghribī, Sheikh Sayid al-‘Alawī bin ‘Abbās al-Mālikī dan Sheikh Muhammad Ahyād al-Indonesī.<sup>44</sup>

Selain itu, menurut Ramli Awang lagi terdapat beberapa orang ulama lagi yang menjadi guru al-Mandīlī berdasarkan kepada maklumat bahawa pada ketika itu, para ulama tersebut menjadi tenaga pengajar di Masjid al-Haram ketika keberadaan al-Mandīlī di sana. Dikukuhkan lagi apabila mereka turut serta menandatangani fatwa jawapan persetujuan mereka tentang pengharaman hukum loteri kebajikan masyarakat. Mereka terdiri daripada Sheikh Hasan Sa‘īd al-Yamānī, Sheikh Muhammad Nūr bin Saif, Sheikh Yasin bin Muhammad ‘Isa Padang, Sheikh Abdullah Lahji dan Sheikh Zakaria Abdullah Bela.<sup>45</sup>

Selain berperanan sebagai murid, al-Mandīlī juga telah diamanahkan dan diberi

---

<sup>44</sup> Kenyataan ini juga di sebut oleh Syeikh Muhammad anak sulung al-Mandīlī, iaitu hasil temubual pengkaji dengan beliau pada 21 Jun 2006. Lihat juga Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 35.

<sup>45</sup> Menurut Ramli Awang, nama mereka ini dicatatkan pada karya Siasah dan Loteri serta Alim Ulama. Pengkaji mengakui bahawa kenyataan Ramli Awang tersebut adalah benar kerana kitab itu dalam simpanan pengkaji sendiri. Lihat Ramli Awang (2001), *ibid.*, h. 43.

kepercayaan untuk mengajar di Masjid al-Haram. Kebenaran ini merupakan satu perhormatan kepada beliau memandangkan bukan sebarang orang yang diberikan kebenaran tersebut kecuali seorang yang sangat alim.<sup>46</sup>

Bagi menggambarkan kealiman al-Mandīlī, dapat dilihat kepada kenyataan daripada Tuan Guru Haji Yahya dari Madrasah al-Khairiyah, Kampung Pisang, Kupang, Baling iaitu “*Inilah sebuah kitab yang menterjemahkan dia oleh Tuan Guru yang alim lagi bersangatan alim, Tuan Sheikh Abdul Qādir al-Mandīlī.*<sup>47</sup> Selain itu, terdapat juga kata-kata sanjungan daripada beberapa orang ulama yang memberi gambaran tentang kealiman al-Mandīlī seperti;

Tuan Guru Haji Husin bin Haji Che Dol (1904-1967M) mencatatkan;

“*Ammā ba ‘d: maka dengan kurnia Tuhan yang Maha Pemurah dapat hamba menatap sebuah karangan bernama *Pendirian Agama Islam* yang diterjemahkan dia oleh al-‘Ālim al-Faḍīl wa al-Adīb al-Kāmil al-Shaikh ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd al-Muṭṭalib al-Mandīlī al-Indonesi yang mengajar di dalam Masjid al-Haram keluaran Dār al-Sa‘ādah al-Islamiyyah Gajah Mati, Pendang, Kedah*”.<sup>48</sup>

Al-Marbawi (w.1989) juga memberi penghormatan kepada al-Mandīlī dengan menyebutkan;

“Kitab yang bernama *Beberapa Mutiara yang Bagus Lagi Indah* atau *Beberapa Masalah yang Penting Lagi Mudah* yang telah dihimpunkan dia oleh tuan yang sangat alim daripada ulama Melayu, lagi cukup mahir dalam segala ilmu syarak, dan Tuan Guru yang masyhur mengajar di dalam Masjid

<sup>46</sup> Al-Mandīlī menulis di akhir nasihatnya tentang hukum haram judi, dalam karyanya Siasah dan Loteri serta Alim Ulama, h.43. Berdasarkan temubual Ramli Awang dengan Wan Mohd Shagir Abdullah pada 30 Jun 1998 dan temubual bersama Ustaz Haji Wan Mutaffa bin Haji Wan Ibrahim, Gajah Mati, Pendang, Kedah pada 15 November 2000 dirumahnya. Lihat Ramli Awang (2001), *ibid.*, h. 32.

<sup>47</sup> Melalui kata-kata yang dicatatkan dalam alu-aluan dalam buku terjemahan oleh al-Mandīlī berjudul “*Pendirian Agama Islam*”, Pulau Pinang: The United Penang Press, (t.t), h. 3. Pengkaji mengakui kebenaran apa yang di tulis oleh Ramli Awang kerana kitab itu dalam simpanan pengkaji.

<sup>48</sup> Petikan kata-kata itu di sebut oleh al-Mandīlī dalam mukaddimah karyanya yang berjudul “*Pendirian Agama Islam*”, Pulau Pinang: The United Penang Press, (t.t).

al-Haram dan pengarang beberapa kitab ilmu syarak di dalam negeri Makkah al-Mukarramah iaitu Ṣāḥib al-Faḍīlāt al-Shāikh ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd al-Muṭṭalib al-Mandīlī al-Indonesi kiranya dibanyakkan Allah Taala ulama kita seumpamanya”.

Segala gambaran ulama terhadap al-Mandīlī menggambarkan bahawa al-Mandīlī merupakan ulama sezaman yang mengetahui keilmuan dan kealiman yang dimiliki oleh al-Mandīlī. Sebagai maklumat tambahan, perlu pengkaji nyatakan bahawa al-Mandīlī adalah merupakan guru kepada Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Sulaiman iaitu pengasas Madrasah al-Muhammadiyyah, Pondok Sungai Durian yang terletak di Kuala Krai, Kelantan. Walaupun pengkaji tidak berkesempatan untuk berguru dengan beliau, ini kerana pengkaji mula belajar di Pondok ini beberapa bulan selepas kematiannya.

### **3.1.4 Kematian al-Mandīlī**

Al-Mandīlī telah memanfaatkan segala keilmuan yang dimiliki dengan berperanan sebagai guru di Masjid al-Haram selama hampir 30 tahun iaitu dari tahun 1963M sehingga beliau meinggal dunia, mengikut apa yang di ceritakan oleh anak al-Mandili bahawa ayahnya meninggal dunia pada 20 Rabiul Akhir 1385H bersamaan 17 Ogos 1965M pada pagi Selasa 18 Rabiul Akhir 1385H/1965M ketika berusia 55 tahun<sup>49</sup> di Makkah al-Mukarramah. Beliau telah dikebumikan di Perkuburan al-Ma‘la. Menurut Tuan Guru Haji Saleh dari Pondok Sik, Kedah, al-Mandīlī meninggal dunia akibat daripada satu penyakit

<sup>49</sup> Mengikut cerita anak sulung al-Mandīlī ayahnya meninggal dunia pada 20 Rabiul Akhir 1385H bersamaan 17 Ogos 1965M iaitu waktu selepas Subuh hari Selasa jam 6 pagi dalam usianya 56. Kenyataan ini adalah hasil temubual pengkaji dengan anak sulung al-Mandīlī pada 18 Jun 2006 di Masjid al-Haram, Makkah al-Mukarramah. Tetapi hasil dari temubual pengkaji dengan Tuan Haji ‘Abd al-Rahman al-Faṭānī salah seorang anak murid Syeikh Muḥammad al-Mandīlī dan beliau memberikan cebisan kertas yang di edarkan beberapa hari selepas kematian al-Mandīlī yang mengandungi catatan tentang kematian al-Mandīlī iaitu: “Tuan Guru Syeikh Abd Qadir bin Abd al-Muṭṭalib al-Mandīlī kembali ke rahmatullah waktu lepas sembahyang Subuh lebih kurang pukul 11 Saudi dan disembahyangkan selepas solat Asar hari Selasa 20 Rabiul al-Akhir bersamaan 17 Ogos Tahun 1385H/1965M.” Temu bual pengkaji dengan beliau pada 21 Jun 2006 di Bab ‘Abd al-‘Aziz Masjid al-Haram, Makkah al-Mukarramah, jam 9.00 malam waktu Arab Saudi.

ganjal yang dialami iaitu kaki beliau membengkak dan pecah-pecah. Pelbagai ikhtiar dan usaha dilakukan untuk mengubati penyakit tersebut. Namun, menemui kegagalan sehingga membawa kepada pemotongan kaki beliau di atas nasihat doktor. Walau bagaimanapun beliau enggan untuk berbuat demikian kerana menganggap ia adalah pemberian Allah.<sup>50</sup>

### 3.1.5 Sifat dan Keperibadian al-Mandīlī

Sebagai seorang ulama dan memiliki keilmuan yang tinggi sudah pasti dibina berdasarkan kepada pembentukan disiplin, peribadi dan akhlak yang tinggi. Begitu juga al-Mandīlī, di mana beliau adalah seorang tokoh dan ulama yang memiliki banyak sifat terpuji seperti peramah dan merendah diri. Sifat merendah diri beliau dapat dibuktikan melalui ungkapan yang ditulis dalam karya-karya beliau iaitu; “....sekalipun hamba tiada ahli bagi yang demikian itu....”<sup>51</sup> yang memberi satu gambaran bahawa beliau bersifat *tawadḍū‘* dengan ilmu yang dimiliki dan tidak pernah menggunakan ilmu tersebut untuk menunjukkanjuk atau membesarkan diri sendiri. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang baik hati, tidak memilih kesenangan hidup dunia, beramal dengan ilmu yang dimiliki, seorang yang dermawan atau pemurah, lemah lembut, tidak pernah marah dan ikhlas dalam semua perkara.

---

<sup>50</sup> Berdasarkan apa yang di sebut oleh anaknya, al-Mandīlī meninggal kerana sakit ketumbuhan pada kaki kirinya yang di namakan *Milanoma* (satu penyakit ketumbuhan seperti bisul) berdasarkan kenyataan seorang doktor perubatan dari Pakistan yang membuka Klinik di Makkah. Kemudian beliau dirawat pula oleh seorang doktor perubatan dari Indonesia yang bertugas Makkah. Selepas rawatan tersebut, boleh dikatakan bahawa beliau hampir sembuh, namun terdapat satu lubang darah yang sentiasa mengeluarkan darah. Keadaan tersebut menyebabkan beliau banyak kehilangan darah yang membawa kepada kematian beliau. Temu bual pengkaji dengan anak al-Mandīlī pada 17 Jun 2006 di tempat yang sama, jam 9.00 malam waktu Arab Saudi.

<sup>51</sup> Tuan Haji ‘Abd al-Raḥmān al-Faṭānī menyebutkan tentang sikap dan sifat al-Mandīlī di mana beliau adalah seorang yang berakh�ak mulia seperti rendah diri, suka menolong dan lain-lain lagi. Beliau mengatakan bahawa al-Mandīlī suka menolong dengan memberikan makanan dan minuman serta keperluan lain tanpa mengira sesiapa sahaja semasa menaiki kapal laut dalam perjalanan ke Makkah. Ungkapan seperti ini juga di perolehi dan boleh dirujuk dalam beberapa karya beliau seperti *al-Madhab* atau *Tiada Haram Bermazhab* pada halaman 2; *Pendirian Agama Islam* pada halaman 4; *Senjata Tok Aji* pada halaman 3, dan *Pembantu Sekalian Orang Islam*.

Sifat baik hati al-Mandīlī dapat ditunjukkan melalui kesanggupan beliau untuk memenuhi beberapa permintaan orang lain untuk menulis kitab. Contohnya dalam memenuhi permintaan orang agar beliau menghimpunkan doa-doa sembahyang, kenduri, khutbah Jumaat, wirid dan lain-lain amalan. Termasuk juga beberapa kitab lainnya. Antara ungkapan beliau;

“maka sesungguhnya telah menyuruh akan hamba beberapa orang dari saudara-saudara yang baik sangka dengan hamba bahawa hamba tulis bagi mereka itu doa sembahyang dan kenduri, dan khutbah Jumaat dan wirid dan lain-lain. Maka kerana tiada dapat hamba menyalahi suruh mereka itu terpaksalah hamba menulis dan menghimpunkan akan risalah ini yang kecil yang mengandung ia akan permintaan mereka itu....”<sup>52</sup>

“maka ini sebuah kitab yang kecil mengandung ia akan hukum bermazhab dan bertaklid, hamba susunkan ia kerana permintaan Tuan Guru Haji hasan Ahmad Patani, yang memberi ia akan hamba sebuah “*Risalah al-Madhab Wajibkah atau Haramkah Bermazhab*” yang terbangsa kepada al-Faḍīl Tuan Hasan Bandung, dan menyuruh ia akan hamban menerangkan barang yang di dalamnya daripada segala yang menyalahi. Maka kerana hamba tiada dapat menyalahi permintaan itu, terpaksalah hamba menyusun akan ini risalah..”<sup>53</sup>

“serta tuan guru itu (Tuan Guru Haji Ismail bin Muhammad al-Samlawi) menyuruh akan hamba mengarang sebuah risalah buat menolak akan kitab tersebut. Kemudian banyak lagi guru-guru yang menyuruh mereka itu akan hamba dan menguatkan mereka akan permintaan Tok Semala itu, kerana tiada dapat hamba menyalahi perintah mereka terpaksalah hamba memperkenankannya...”<sup>54</sup>

Dari sudut tidak memilih kesenangan dunia, merupakan seorang yang tidak suka terikat dengan mana-mana jabatan dan mendapat gaji tetap daripada mana-mana pihak. Pengajaran yang dilakukan di Masjid al-Haram adalah ikhlas semata-mata kerana Allah. Beliau pernah menolak beberapa jawatan yang ditawarkan seperti berkhidmat di Cape

<sup>52</sup> Al-Mandīlī (t.t), *Senjata Tok Haji dan Tok Lebai*, Pulau Pinang: The United Penang Press, cet.8, h. 3.

<sup>53</sup> Al-Mandīlī (1371H), *al-Madhab atau Tiada Haram Bermazhab*, Miṣr: Matba‘ah al-Anwār, h. 1.

<sup>54</sup> Al-Mandīlī (1379H), *al-Asad al-Ma‘ād li Qatli al-Tays al-Musta‘ār*, Misr: Matba‘ah al-Anwar h..2.

Town, Afrika Selatan dengan gaji yang banyak, sebagai Mufti Indonesia yang ditawarkan oleh Presiden Sukarno melalui sepucuk surat dan sebagai *Qādī al-Quḍāt* di Makkah pada zaman Malik Sa‘ūd dengan gaji bulanan sebanyak 13 ribu riyal Saudi. Penolakan beliau terhadap jawatan-jawatan tersebut adalah dengan baik, berlapang dada serta senyum manis. Melalui kata-kata beliau; “*Saya menuntut ganjaran daripada Allah*”<sup>55</sup> dan tulisan beliau dalam setiap karya beliau iaitu; “*Khadam kecil bagi penuntut ilmu [yang bermula] di Masjid al-Haram*”<sup>56</sup>

Manakala dari sudut beliau sebagai seorang yang bersifat pemurah dan dermawan pula, beliau menghadiahkan barang-barang yang didermakan atau dihadiahkan kepada beliau seperti pakaian, makanan dan lain-lain keperluan kepada sesiapa yang datang membantu membawa barang-barang tersebut dengan ikhlas. Selalunya barang-barang itu dihadiahkan ketika sesuatu majlis khatam sesebuah kitab di Masjid al-Haram<sup>57</sup>.

Secara ringkasnya, berkaitan dengan sifat peribadi al-Mandīlī berdasarkan kenyataan seorang bekas murid beliau Haji Ahmad bin Haji Jusoh iaitu; {*كل صفة محمودة موجودة عندك*}, maksudnya: “*Setiap sifat yang terpuji semuanya terdapat pada Sheikh ‘Abd al-Qādir al-Mandīlī*”<sup>58</sup>

<sup>55</sup> Keterangan daripada Tuan Guru Haji Salleh, Pondok Sik, Kedah melalui temubual oleh Ramli Awang. Lihat Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 36.

<sup>56</sup> Ishamuddin Abd. Rahim (1987), *op.cit.*, h.17-18.

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 16.

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 18.

### 3.1.6 Karya-Karya Penulisan al-Mandīlī<sup>59</sup>

Sebagai seorang tokoh ulama, al-Mandīlī bukan sahaja berperanan dan menyumbangkan keilmuan yang dimiliki dengan mengajar sahaja. Bahkan, beliau telah mengarang beberapa buah karya sama ada melalui kehendak beliau sendiri atau di atas permintaan daripada orang lain untuk menulis tentang sesuatu permasalahan. Karya-karya beliau sama ada melalui karya terjemahan<sup>60</sup> atau karya asli berjumlah 24 buah karya yang menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi dan dua buah lagi dalam bahasa Arab<sup>61</sup>. Karya-karya beliau ini meliputi beberapa bidang ilmu seperti usuluddin, fikah, politik, pendidikan, perundangan dan akhlak.<sup>62</sup>

#### a. Bidang Usuluddin

##### 1. *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*

Karya ini disiapkan penulisannya pada hari Selasa 23 Jamadil Awal 1376H/1956M dan merupakan sebuah karya terjemahan kepada matan Imam al-Taḥāwī (w.321H/933M)<sup>63</sup> yang memperkatakan tentang akidah keimanan menurut mazhab salaf.

---

<sup>59</sup> Pengkaji memiliki hampir keseluruhan daripada karya-karya yang ditulis oleh al-Mandīlī. Sebahagian besarnya diperoleh daripada pengkaji awal berkaitan al-Mandīlī iaitu Ishamuddin Abd. Rahim, dan beliau juga adalah salah seorang waris keturunan al-Mandīlī yang kini menetap di Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

<sup>60</sup> Terdapat enam buah karya terjemahan yang dihasilkan oleh al-Mandīlī iaitu *Pendirian Agama Islam*, *Pembantu Sekalian Orang Islam*, *Pertunjuk Bagi Umat*, *Risalah Pada Menerangkan Makna Sabilullah Yang Mustahik Akan Zakat, I’tiqad Orang Yang Percaya Akan Quran dengan Turunnya Isa dan Menakutkan dan Meliarkan daripada Memasukkan Orang-Orang Islam Akan Anak-Anak Mereka ke Sekolah Orang-Orang Kafir*. Lihat Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 39.

<sup>61</sup> Dua buah karya al-Mandīlī berbahasa Arab iaitu *Khazā’ in Saniyyah* dan *Tuhfah al-Qāri’ al-Muslim*. Ramli Awang (2001), *ibid.*

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> Beliau ialah Abū Ja‘far Aḥmad bin Muḥammad bin Salāmah bin Salāmah bin ‘Abd al-Malik bin Salāmah bin Salīm bin Sulaymān bin Jawwab al-Azdī al-Taḥāwī al-Ḥanafī.

2. *I‘tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya ‘Isa ‘Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman.*

Berdasarkan catatan pada akhir kitab, disebutkan bahawa kitab *ini mula diterjemahkan pada 16 Jamadil Awal 1378H/1958M dan diselesaikan pada hari Khamis 2 Jamadil Awal 1378H/1958M.*<sup>64</sup>

3. *Risalah Pokok Qadyani*

Menurut Ramli Awang, beliau belum menemui karya ini. Tetapi melalui tajuk dapat diandaikan bahawa perbahasan karya ini menjurus kepada membicarakan tentang kesesatan ajaran Qadyani yang diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad (1840-1908M) di India.<sup>65</sup>

**b. Bidang Fikah**

1. *Senjata Tok Haji dan Tok Lebai*

Karya ini selesai ditulis pada hari Rabu 10 Ramadan 1368H/ 6 Julai 1949M yang menyentuh berkaitan wirid-wirid solat, zikir, khutbah, kaifiyat membaca Yasin, solat Tarawikh, Witir dan lain-lain.<sup>66</sup> Karya ini adalah karya pertama yang dihasilkan.

2. *Persedian Tuan Khatib*

Kandungan karya ini terdiri daripada 12 khutbah Jumaat dan beberapa buah khutbah untuk

<sup>64</sup> Al-Mandīlī (t.t), “*I‘tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya ‘Isa ‘Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman*”, Miṣr: Matba‘ah al-Anwār, h. 48.

<sup>65</sup> Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 40.

<sup>66</sup> Al-Mandīlī menyebutkan kandungan kitab ini sepintas lalu pada muka hadapan karyanya. Lihat al-Mandīlī (t.t), *op.cit.*, h. 1.

khutbah hari raya, khutbah gerhana, khutbah minta hujan dan khutbah nikah. Kitab ini setebal 83 halaman. Ia menjadi panduan kepada para khatib membaca khutbah di masjid-masjid. Diselesaikan penulisannya pada tahun 1960M.<sup>67</sup>

*3. Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati.*

Karya ini adalah sebuah karya terjemahan daripada karya Sheikh Muhammad al-Arabi yang berjudul “*Is‘āf al-Muslimīn wa al-Muslimāt bi Jawāz al-Qirā’ah wa Wuṣūl Thawābihā ilā al-Amwāt*”. Perbahasannya menyentuh berkaitan keharusan membaca al-Quran dan menghadiahkan pahalanya kepada orang yang telah meninggal dunia berdasarkan pandangan mazhab yang empat. Selesai diterjemahkan pada 21 Sya‘ban 1370H/1950M<sup>68</sup>. Berdasarkan kitab yang dimiliki oleh penulis (cetakan pertama pada tahun 1381H/1962M), disertakan juga di dalam kitab ini surat keizinan daripada al-Mandili sendiri untuk memberikan keizinan mencetak kitab ini yang bertarikh 3 Safar 1381H bersamaan 16 Julai 1961M, kata-kata aluan daripada Haji Husaian bin Haji Ismail daripada Guar Cempedak, Kedah dan ucapan terima kasih dari seorang guru agama iaitu Haji wan Abdul Samad bin Wan Nik dari Pokok Sena, Alor Setar, Kedah yang bertarikh 20 Sya‘ban 1381H/ 27 Januari 1962M.<sup>69</sup>

*4. al-Khazā’in Saniyyah min Mashāhir al-Kutub al-Fiqhiyyah li A’immatinā al-Fuqahā’ al-Shāfi‘iyyah.*

---

<sup>67</sup> Al-Mandili (1960M), *Persediaan Tuan Khatib*, Misr: Dār al-Maṣīr li al-Ṭabā‘ah, h. 3.

<sup>68</sup> Al-Mandili (1371H/1962M), *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati*, Pulau Pinang: The United Press, cet.1, h. 46.

<sup>69</sup> *Ibid.*, h. 2-5.

Karya ini ditulis pada malam Isnin 17 Jamadil Akhir 1370H/ 26 Mac 1951M<sup>70</sup> dan diselesaikan penulisannya pada malam yang sama dengan 37 halaman. Karya ini mengandungi nama-nama *fuqaha'* dan *laqab* yang dikenali berserta nama karya-karya mereka.

#### 5. *al-Asad al-Mu‘ār li Qatl al-Tays al-Musta‘ār*

Karya ini adalah sebuah risalah yang mula ditulis pada tahun 27 Zulkaedah 1377H/1957M setibanya al-Mandīlī di Makkah<sup>71</sup> setelah beberapa ketika berada di Pattani dan diselesaikan pada waktu Duhā, hari Selasa 28 Zulhijjah pada tahun yang sama. Karya ini ditulis di atas permintaan tok-tok guru di Pattani yang mahu beliau menjawab perbahasan yang dikemukakan oleh Ustaz Abdul Ghani Fikri dalam karya beliau berjudul “*al-Tays al-Musta‘ār*” berkenaan dengan permasalahan “cina buta”. Al-Mandīlī menjawab dan menghuraikan berdasarkan pandangan empat mazhab. Penulis memiliki salinan kitab ini yang dicetak oleh Maṭba‘ah al-Anwār iaitu setebal 72 halaman.

#### 6. *Pemberian Yang Bagus Lagi Indah atau Hukum Ihram dari Jeddah.*

Ramli Awang menyebutkan karya ini menerangkan hukum dan tatacara melakukan ihram dan haji merujuk kepada pemahaman tajuk memandangkan ia belum ditemui.

#### 7. *Pertunjuk Bagi Umat*

Karya ini pula adalah sebuah risalah kecil dengan 19 halaman serta mengandungi dalil-dalil

---

<sup>70</sup> Al-Mandīlī (t.t), *al-Khazā‘in Saniyyah min Mashāhir al-Kutub al-Fiqhiyyah li A‘immatinā al-Fuqahā’ al-Shāfi‘iyah*, Misr: Dar Masir li al-Ṭibā‘ah, h. 1.

<sup>71</sup> Al-Mandīlī (1379H), *al-Asad al-Mu‘ār li Qatl al-Tays al-Musta‘ār*, Misr: Matba‘ah al-Anwār, h. 70-17.

bagi sembahyang *qabliyah* Jumaat. Diselesaikan terjemahkan kitab ini pada waktu Ḏuhā, hari Khamis 13 Zulhijjah 1376H/1956M di Masjid Khīf di Mina.

#### 8. *Bekal Orang Yang Menunaikan Haji*

Karya ini ditulis pada tahun 1953M. Cetakan ketiga kitab ini dimiliki oleh penulis yang dicetak pada 1383H/1964M. Kandungan kitab ini membicarakan tentang doa-doa ketika tawaf, sa‘ī, dan ketika berada di Padang ‘Arafah serta beberapa doa lain ketika berada di Makkah sewaktu menunaikan haji.<sup>72</sup>

#### 9. *Risalah Pada Menerangkan Makna Sabilullah yang Mustahiq akan Zakat*

Kandungan kitab ini lebih kepada penjelasan berkaitan makna “*fī Sabilillāh*” yang disebutkan daripada 8 asnaf yang berhak menerima zakat. Ia pernah dicetakan dan diterbitkan pada tahun 1958M, tetapi tidak diketahui tarikh karya ini ditulis mahupun disiapkan.

#### 10. *Sinar Matahari Buat Penyuluhan Kesilapan Abu Bakar al-Ashari*<sup>73</sup>

Karya ini diselesaikan penulisannya pada 4 Syawal 1378H/1958M<sup>73</sup> di Makkah. Perbahasannya lebih kepada menjawab dan bantahan terhadap tulisan Sheikh Abu Bakar Ashari dalam tulisan beliau yang berjudul “*Ibadat Rasulullah*”. Secara ringkasnya ia banyak menyentuh persoalan dan pertembungan Kaum Muda dan Kaum Tua.

---

<sup>72</sup> Al-Mandīlī (1383H/1964M), *Bekal Orang Yang Menunaikan Haji*, Misr: Matba‘ah al-Anwār, cet.3, h. 2-3.

<sup>73</sup> Al-Mandīlī (1379H/1959M), *Sinar Matahari Buat Penyuluhan Kesilapan Abu Bakar al-Ashari*, Misr: Matba‘ah al-Anwār, h. 81.

### 11. *al-Madhab atau Tiada Haram Bermadhab*

Kitab ini mula ditulis pada 19 Rejab 1378H/1958M di Makkah dan telah disiapkan pada waktu Zuhur hari Selasa 8 Ramadan 1378H/1958M.<sup>74</sup> Karya ini dihasilkan di atas permintaan Tuan Guru Haji Hasan Ahmad Patani di samping sebagai jawapan kepada tulisan Ahmad Hasan (Hasan Bandung) yang berjudul “*al-Madhab, Wajibkah atau Haramkah Bermadhab.*”

### 12. *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah atau Beberapa Masalah Yang Penting Lagi Mudah*

Karya ini selesai ditulis pada waktu Asar 9 Zulkaedah 1379H/ 1959M.<sup>75</sup> Kandungan karya ini terdiri daripada pelbagai persoalan dan jawapan dalam pelbagai bidang keilmuan seperti tauhid, hadith, salat, Jumaat, jenazah, zakat, puasa, haji, muamalat, nikah dan talak, perubatan, pemakanan dan pemakaian, pegangan mazhab dan politik. Kitab ini setebal 120 halam dalam tulisan jawi berbahasa Melayu.

### 13. *Siasah dan Loteri dan Alim Ulama*

Karya ini selesai disusun pada 8 Syawal 1318H/ 13 Mac 1962M di Makkah yang mengandungi perbahasan berkaitan Loteri Kebajikan Masyarakat yang ditulis dalam bentuk soal jawab. Dalam karya ini juga disertakan bersama laporan Jawatankuasa Kecil yang mengkaji fatwa-fatwa politik beliau dalam kitab *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah*. Pengkaji memiliki kitab ini dalam bentuk salinan yang diphotostat terbitan Maṭba‘ah

<sup>74</sup> Al-Mandīlī (1379H/1959M), *al-Madhab atau Tiada Haram Bermadhab*, Misr: Matba‘ah al-Anwār, h. 59.

<sup>75</sup> Al-Mandīlī (1380H), *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah atau Beberapa Masalah Yang Penting Lagi Mudah*, Misr: Matba‘ah al-Anwār, cet.1, h. 119.

al-Anwār dengan ketebalan 96 halaman.<sup>76</sup>

#### 14. *Anak Kunci Syurga.*

Karya ini selesai ditulis pada 21 Ramadan 1382H<sup>77</sup> dan mengandungi perbahasan berkaitan perkara-perkara asas fardu ain yang meliputi akidah dan hukum-hukum bersangkutan dengan ibadah. Al-Mandīlī menyebutkan bahawa karya ini ditujukan kepada kanak-kanak dan perempuan yang baru belajar. Al-Mandīlī berkata “*hamba himpukkan akan dia bagi kanak-kanak dan perempuan yang baru belajar*”.<sup>78</sup> Karya ini setebal 16 halaman dengan disertakan beberapa pembetulan terhadap beberapa kalimah yang tersalah cetakan pada akhir kitab ini.

### c. Bidang Politik

#### 1. *Islam: Agama dan Kedaulatan*

Karya ini ditulis pada 19 Rabiul Awal 1379H/ 22 September 1959M di Makkah<sup>79</sup> dan terdiri daripada 68 halaman bercetak berdasarkan terbitan Matba‘ah al-Anwār di Mesir. Karya ini adalah sebuah karya yang membicarakan tentang Islam yang bukan sekadar sebagai satu agama dan kepercayaan tetapi merangkumi juga persoalan politik iaitu disebutkan sebagai politik Islam. Al-Mandīlī menyebutkan “*ini sebuah kitab yang kecil pada menyatakan bahawasanya Islam itu agama dan kedaulatan, hamba susunkan akan dia bagi peringatan bagi hamba sendiri, dan hamba hadiahkan akan dia kepada saudara-*

---

<sup>76</sup> Al-Mandīlī (1382H/1962M), *Siasah dan Loteri dan Alim Ulama*, Misr: Maṭba‘ah al-Anwār, cet.1, h. 2-3.

<sup>77</sup> Al-Mandīlī (1383H/1963M) *Anak Kunci Syurga*, Pulau Pinang: The United Press, cet.2, h. 103.

<sup>78</sup> *Ibid.*, h. 2.

<sup>79</sup> Al-Mandīlī (1379H), *Islam: Agama dan Kedaulatan*, Misr: Maṭba‘ah al-Anwār, h. 2.

*saudara yang berjuang dilapangan Agama Islam.”<sup>80</sup>*

## 2. Pendirian Agama Islam

Karya ini selesai diterjemahkan pada 9 Syaban 1376H/1956M<sup>81</sup> di Makkah al-Mukarramah oleh al-Mandīlī daripada kitab asal berjudul “*Mawqif al-Islām min al-Iqtā‘iyah wa al-Ra’simāliyyah wa al-Ishtirākiyyah wa al-Shuyū‘iyah*” karya al-Sheikh Munīr Luṭfī seorang ulama Syiria<sup>82</sup>. Kitab ini membicarakan berkaitan ideologi feudal, kapitalis, sosialis dan komunis. Pada masa yang sama membawa perbezaan antara dasar-dasar sosial Islam dengan dasar-dasar sosial yang berteraskan ideologi-ideologi di atas di samping sikap Islam terhadapnya. Tuan Haji Hussain bin Haji Che Dol telah memberikan pujian terhadap kitab dan usaha al-Mandili ini. Disertakan juga pada kitab cetakan kedua yang menjadi milik pengkaji, dua ucapan perhargaan oleh al-Sheikh Abdul Aziz Ahmad bin Besar iaitu seorang guru Bahagian Tinggi al-Ma‘had al-Mahmud, Alor Setar, Kedah dan daripada Haji Yahya seorang guru Agama di al-Madrasah al-Khairiyyah, Kampung Pisang, Baling, Kedah.<sup>83</sup>

## d. Bidang Hadith

### 1. Hadiah Bagi Pembaca Muslim

Karya ini adalah sebuah terjemahan dan syarah kepada kitab *Tuhfah al-Qāri‘ al-Muslim* yang mula diterjemahkan pada 7 Mac 1961M iaitu setelah 2 tahun beliau menyiapkan kitab asalnya yang berbahasa Arab. Kitab ini terdiri daripada beberapa juzuk dan juzuk pertama

---

<sup>80</sup> *Ibid.*

<sup>81</sup> Al-Mandīlī (1377H ), *Pendirian Agama Islam*, Pulau Pinang: The United Press, cet.2, h. 57.

<sup>82</sup> Al-Mandīlī (1377H), *ibid.*, h. 4.

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 2-3.

setebal 96 halaman yang bermula daripada hadith pertama {إنما الأعمال بالنيات} dan diakhiri pada hadith {أذاً أمن الإمام فأمنوا}. Apa yang menyediakan, pengkaji hanya memperoleh juzuk pertama daripada beberapa juzuk karya ini. Bahkan, tidak terdapat maklumat lanjut yang menjelaskan jumlah juzuk bagi karya ini. Cetakan pertama diterbitkan oleh Percetakan Hajji Muhammad Idris al-Marbawi di Mesir pada akhir bulan Muharram 1381H bersamaan 15 Julai 1961M.<sup>84</sup>

2. *Tuhfah al-Qārī al-Muslim al-Mukhtarah Mimmā Ittafaqa ‘Alaih al-Bukhārī wa Muslim.*

Sebuah karya himpunan hadith-hadith terpilih yang disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim. Terdapat 564 buah hadith yang dicatatkan dan disusun melalui kaedah *al-Mu‘jam* iaitu menurut urutan huruf *hijā’iyah* bermula daripada huruf *alif* hingga *ya’*. Kitab ini mula ditulis di Makkah pada 11 Jamadil Awal 1371H/ 8 Februari 1952M dan disiapkan pada 20 Jamadil Awal 1371H iaitu mengambil masa sembilan hari sahaja untuk disiapkan.<sup>85</sup> Karya ini disusun dalam bahasa Arab, setebal 73 halaman yang dimulai dengan hadith {إِنَّمَا الْأَعْمَالُ} pada huruf *ya’*. Al-Mandīl menyebutkan bahawa beliau pada mulanya mahu menterjemahkan karya ini ke dalam bahasa Melayu (Indonesia), akan tetapi beliau memohon maaf disebabkan kesibukan beliau pada masa tersebut menyebabkan beliau tidak dapat berbuat demikian.<sup>86</sup>

<sup>84</sup> Al-Mandīl (1371H/1961M), *Hadiah Bagi Pembaca Muslim*, Misr: Matba‘ah al-Hājī Muhammad Idris al-Marbawi, h. 87.

<sup>85</sup> Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 45

<sup>86</sup> Al-Mandīl (1371H/1952M), *Tuhfah al-Qārī al-Muslim al-Mukhtarah Mimmā Ittafaqa ‘Alaih al-Bukhārī wa Muslim*, al-Fujālah: Dār Maṣīr li al-Ṭibā‘ah, h. 3.

### e. Bidang Pendidikan

Manakala karya dalam bidang pendidikan berjudul “*Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka itu ke Dalam Sekolah Orang Kafir*” adalah sebuah karya terjemahan dari sebuah karya berjudul {الزواجر المنفرة عن إدخال المسلمين}“*أولادهم في مدارس الكفرة*”

karangan guru beliau iaitu Sheikh Hasan Muhammad al-Mashat. Selesai diterjemahkan pada hari Rabu 7 Jamadil Awal 1378H/ 19 November 1958M<sup>87</sup>. Kandungan karya ini banyak menyentuh kesan daripada pendidikan barat terhadap akhlak anak-anak orang Islam dan seruan agar orang-orang Islam menyedari bahawa sangat rugi apabila anak-anak tidak dididik dengan pendidikan Islam.<sup>88</sup>

### f. Bidang Perundangan Islam

Sebuah kitab telah dikarang oleh al-Mandīl dalam bidang ini dengan judul “*Kebagusan Undang-Undang Islam dan Kecelakaan Undang-Undang Manusia*” yang berkisar tentang kebaikan dan keadilan undang-undang Islam berbanding undang-undang yang dibuat oleh manusia memandangkan ia diturunkan oleh Allah, berkaitan sejarah kemunculan undang-undang dalam masyarakat manusia serta kemasukan undang-undang penjajah ke dalam undang-undang negara umat Islam. Disertakan juga dalam karya ini fatwa-fatwa politik yang disebutkan dalam karya *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah* serta hukum berkenaan wang Loteri dan Ekor untuk mendirikan masjid. Karya ini siap ditulis pada

---

<sup>87</sup> Al-Mandīl (1380H), *Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka itu ke Dalam Sekolah Orang Kafir*, Misr: Maṭba‘ah al-Anwār, h. 41.

<sup>88</sup> *Ibid.*, h. 2-3 dan lihat juga Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 45.

BAB 2: BIODATA SHEIKH ‘ABD AL-QĀDIR BIN ‘ABD AL-MUṬṬALIB AL-MANDĪL  
waktu Zuhur, hari Rabu 6 Syawal 1380H bersamaan 22 Mac 1961M.<sup>89</sup> Karya ini setebal 143 halaman.

### **g. Bidang Akhlak (Tasawuf)**

Hanya sebuah kitab berkaitan dengan akhlak iaitu “*Penawar Bagi Hati*”. Tumpuan berkaitan ilmu tasawuf dan membincangkan berkaitan akhlak terpuji dan tercela serta berkaitan maksiat-maksiat yang dilakukan oleh anggota zahir dan wajib dijauhi. Selesai ditulis pada 7 Rejab 1378H/1958M.<sup>90</sup> Berdasarkan cetakan keempat oleh Sahabat Press pada tahun 1383H/1964M, kitab ini setebal 102 halaman. Kandungannya terdiri daripada tiga kitab (tajuk utama), dengan enam fasal dan dua puluh bab (subtajuk).<sup>91</sup>

Berdasarkan kepada keterangan yang dijelaskan di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa Sheikh ‘Abd al-Qādir all-Mandīlī adalah seorang tokoh ulama terkemuka khususnya daripada kalangan ulama Nusantara yang telah mengembeling tenaga dan usaha untuk memanfaatkan segala ilmu yang dimiliki untuk membantu dan membawa masyarakat ke arah jalan kebenaran dan berada di bawah petunjuk yang direhdhai. Ini terbukti, setelah diteliti karya-karya dan keterlibatan beliau dalam lapangan ilmu sebagai tenaga pengajar dengan meletakkan aspek keikhlasan sebagai faktor utama tanpa mengharapkan sebarang balasan mahupun ganjaran terhadap apa yang dilakukan. Akan tetapi semata-mata mencari keredaan Allah sahaja. Tambahan pula, karya-karya yang dihasilkan pula merangkumi pelbagai aspek dan bidang keilmuan yang menguatkan lagi bahawa beliau sedaya upaya

<sup>89</sup> Al-Mandīlī (1371H), *Kebagusian Undang-Undang Islam dan Kecelakaan Undang-Undang Manusia*, Misr: Matba‘ah al-Anwār, cet.1, h. 2.

<sup>90</sup> Al-Mandīlī (1383H/1964M) *Penawar Bagi Hati*, Yala, Thailand: Sahabat Press, cet.4, h. 1. dan lihat juga Ramli Awang (2001), *op.cit.*, h. 47.

<sup>91</sup> Al-Mandīlī (1383H/1964M), *ibid.*, h. 101-102.

berusaha untuk mencurahkan ilmu yang dimiliki di samping memenuhi permintaan orang tertentu dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan dan persoalan dengan hasil karya tersebut.

Semoga daripada pendedahan ini akan memberi satu lontaran baru untuk memperkenalkan semula Sheikh Abd al-Qādir al-Mandīlī kepada masyarakat agar mengambil iktibar kesungguhan dan *mujahadah* beliau selaku pelajar dan tokoh ulama yang tidak mengenal penah dan lelah untuk membangunkan masyarakat ke arah panduan agama yang sebenar.